

TARIKH	15 / Mei / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	43	RUANGAN	NASIONAL

Tetap dapat perhatian

Nelayan terus terima bantuan kerajaan

“Sebanyak RM760,000 diperuntukkan pada 2012 ini untuk membina jeti di enam kawasan dalam daerah Sabak Bernam bagi kemudahan nelayan.”

Saharuddin

BAGAN NAKHODA OMAR - Nelayan di daerah ini terus menikmati pelbagai bantuan dan kemudahan menerusi perhatian yang diberikan kerajaan dengan hasrat nelayan dapat meningkatkan hasil pendapatan dan sosio hidup mereka serta memastikan sektor industri perikanan kekal berdaya maju.

Pegawai Urusetia Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), mewakili Pengarah LKIM, Saharuddin Md Salleh berkata banyak kemudahan infrastruktur disediakan kerajaan untuk membantu nelayan tanpa mengira bangsa.

“Antaranya, sebanyak RM760,000 diperuntukkan pada 2012 ini untuk membina jeti di enam kawasan dalam daerah Sabak Bernam bagi kemudahan nelayan.

“Daripada jumlah itu, sebanyak RM350,000 diperuntukkan untuk pembinaan jeti di Bagan Nakhoda Omar dan RM200,000 bagi jeti di Sungai Besar manakala selebihnya adalah peruntukkan tambahan untuk pembinaan jeti di Parit Baru, Sungai Air Tawar dan Sekinchan,” katanya ketika ditemui dalam Majlis Taklimat Kepada Kontraktor Dan Penerima Bantuan Baikpilih Rumah di Pejabat Parlimen Sabak Bernam, di sini, semalam.

Turut diadakan Majlis Penyampaian Buku

Akaun Tabung Hasil Fasa ke dua kepada 400 penerimanya tajaan Pejabat Parlimen Sabak Bernam.

Turut hadir, Pengerusi Majlis Pembangunan Pertanian Parlimen (MPPP) Sabak Bernam, Datuk Abd Rahman Bakri dan Timbalan Pengarah Negeri Tabung Haji Selangor, Mohd Rafidi Ibrahim.

Difahamkan, sebanyak 104 permohonan diluluskan bagi seluruh daerah Sabak Bernam dimana setiap satu daripadanya akan menerima bantuan baik pulih rumah bernilai RM10,000 dan proses masih lagi berterusan.

Daripada jumlah itu, seramai 64 nelayan di Parlimen Sabak Bernam bakal menikmati kehidupan lebih selesa apabila bantuan baik pulih rumah dengan nilai keseluruhan RM640,000 itu akan mula dilaksanakan segera.

Menurut Saharuddin, pelbagai ruang dan peluang diperolehi nelayan terutama dari segi pemberian bayaran elaun sara hidup, insentif 10 sen sekilogram, subsidi diesel dan petrol, bantuan bencana alam, yang dijalankan pihak kerajaan bagi membantu meringankan peritjerih nelayan dan pelbagai kemudahan serta bantuan lain.

“Bagi daerah Sabak Bernam, sebanyak 5.5 juta liter subsidi diesel bernilai RM3.3 juta dan 500,000 liter petrol bernilai RM300,000 diberikan setiap bulan. Manakala seramai 1,970 nelayan menikmati elaun sara hidup RM200 dengan nilai keseluruhan RM394,000 sebulan.

“LKIM dengan kerjasama kerajaan tidak putus membantu termasuklah sugu hati anak nelayan yang cemerlang dalam pendidikan, bantuan bencana RM4,000 kepada nelayan meninggal dunia dalam kemalangan, RM2,000 bagi yang meninggal dunia bukan kerana kemalangan dan bantuan maksima RM15,000 kepada bot atau enjin yang rosak kerana bencana,” katanya.



Mohd Rafidi menyampaikan replika buku akaun Tabung Haji kepada Abd Rahman (kanan) simbolik kepada pembukaan buku akaun penerimanya.